

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN
RAKYATMESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

SOALAN

TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kadar guna tenaga tidak penuh (*underemployment*) mengikut pecahan kaum, negeri, dan kumpulan umur.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Konsep asas guna tenaga tidak penuh atau *underemployment* merujuk kepada mereka yang bekerja kurang 30 jam seminggu disebabkan keadaan kerja atau kerja yang tidak mencukupi.

Berdasarkan Laporan Kaji Selidik Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pada suku ketiga 2021, bilangan penduduk yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu merekodkan 464,600 orang berbanding 474,100 orang pada suku kedua 2021 iaitu berkurang sebanyak 9,500 orang.

Dari segi pecahan mengikut kumpulan umur 15-24 tahun pada suku ketiga 2021, bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu ialah 69,000 orang berbanding 102,200 orang pada suku kedua 2021.

Kumpulan umur 25-34 pula merekodkan 166,400 orang pada suku ketiga 2021 berbanding 110,100 orang pada suku kedua 2021. Manakala, kumpulan umur 35-44 merekodkan 123,700 orang pada suku ketiga 2021 berbanding 95,900 orang pada suku kedua 2021. Kumpulan umur 45 tahun dan ke atas merekodkan 105,400 orang pada suku ketiga 2021 berbanding 165,900 orang pada suku kedua 2021.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

SOALAN

TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah dan nilai perolehan oleh Kerajaan melalui balai seni dan muzium, hasil seni lukisan karyawan tempatan dan asing untuk setiap tahun daripada tahun 2010, peratusan lukisan yang dipamerkan dan peratusan lukisan yang berada dalam simpanan stor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak tahun 2010 sehingga tahun 2020, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) telah memperoleh sebanyak 1,169 buah karya sebagai Koleksi Negara dengan nilai perolehan sebanyak RM12.8juta. Daripada jumlah tersebut, 1,080 buah karya adalah hasil daripada pelukis tempatan manakala bakinya adalah hasil karya oleh pelukis luar. Sebanyak 32% daripada karya tersebut telah terlibat dalam pameran-pameran yang telah diadakan.

2. Sementara itu, jumlah keseluruhan koleksi artifak terkumpul di Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dari tahun 2010 hingga 2021 ialah sebanyak 5,773 koleksi. Untuk maklumanan, Galeria Perdana Langkawi merupakan satu-satunya muzium di bawah seliaan JMM yang mempunyai koleksi lukisan dengan 163 unit dipamerkan manakala 238 unit berada di repositori.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG
[ISKANDAR PUTERI]**

SOALAN

TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan unjuran hasil Kerajaan setiap tahun sekiranya Cukai Harta Pusaka (*inheritance tax*) dikenakan hanya kepada estet yang bernilai lebih daripada RM2 juta pada kadar 10%, 25% dan 40% masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat unjuran hasil bagi duti harta pusaka tidak dapat disediakan. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam Belanjawan 1992, Kerajaan tidak lagi mengenakan duti ke atas harta pusaka si mati yang meninggal dunia dan langkah ini berkuatkuasa mulai 1 November 1991. Pada masa ini, taksiran duti hanya dibangkitkan ke atas harta-harta si mati yang meninggal sebelum 1 November 1991 yang dilaporkan dari semasa ke semasa oleh pentadbir yang dilantik. Pentadbir adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan kesemua duti dan faedah yang dikenakan ke atas harta pesaka si mati sebelum harta-harta tersebut dipindah milik kepada pentadbir untuk ditadbir selanjutnya.

Sekian, terima kasih.